



KENYATAAN MEDIA BERSAMA

PASAR MALAM TAMAN SERI DUYONG DIPILIH SEBAGAI LOKASI PROJEK RINTIS CASHLESS MELAKA

CYBERJAYA, 08 OGOS 2023 - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memilih Pasar Malam Taman Seri Duyong sebagai lokasi Projek Rintis Program *Cashless Melaka*. Pasar malam ini yang mempunyai kira-kira 120 peniaga ini turut terpilih bagi Program Transformasi Pasar Malam (PTPM) Bandaraya Melaka.

Para peniaga adalah digalakkan mendaftar perniagaan mereka dengan penyedia perkhidmatan kewangan bagi menikmati insentif serta pelbagai tawaran istimewa yang disediakan di bawah program *Cashless Melaka*.

Program *Cashless Melaka* bertujuan mempertingkatkan penggunaan tanpa tunai dalam kalangan peniaga dan pembeli selaras dengan aspirasi negeri Melaka untuk menjadi negeri pintar sebagaimana digariskan dalam *Smart Melaka Blueprint 2035*.

Bagi pelaksanaan program ini, MCMC telah menjalin kerjasama dengan penyedia perkhidmatan kewangan dan platform digital termasuk TnG, Maybank MAE, Boost dan Foodpanda. MCMC turut menyediakan insentif dalam bentuk *cashback* kepada pengguna yang berbelanja dengan menggunakan aplikasi e-dompet daripada penyedia perkhidmatan kewangan yang terlibat.

Selain itu, sepanjang implementasi projek rintis ini, soal selidik juga dijalankan bagi menentukan tahap penerimaan pembayaran tanpa tunai dalam kalangan peniaga dan pembeli dalam sektor peruncitan.

Acara kemuncak bagi program *Cashless Melaka* ini adalah Karnival *Cashless* yang dijangka akan diadakan ada bulan Oktober 2023 di Melaka

International Trade Centre (MITC) bersempena Persidangan Kebangsaan Melaka Pintar 2023 (SMIX 2023).

Program ini turut mendapat sokongan daripada Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital Negeri Melaka, YB Tuan Fairul Nizam bin Roslan serta Timbalannya, YB Tuan Mohd Noor Helmy Abdul Haleem.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV